

22/10/2003

Warung temui peminat teater di Kuantan

Suraiya Mohd Nor

SELEPAS menemui khalayaknya di Lembah Klang Julai lalu, teater Warung daripada Pertubuhan Teater Hidayah mula menemui penontonnya di Kuantan, Pahang pada 24 dan 25 Oktober ini.

Teater hasil buah tangan dan arahan Kamarul AR ini akan dipentaskan secara percuma di Auditorium Taman Budaya Negeri, Kuantan. Ia dijayakan dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Selangor, Majlis Kebudayaan Negeri Pahang, Pertubuhan Teater Pahang dan Tenaga Nasional Berhad.

Pengarahnya, Kamarul AR, berkata pementasan teater di Kuantan, Pahang adalah tahun kedua bagi Pertubuhan Teater Hidayah.

"Tahun lalu, kami mementaskan teater Tanah yang mengisahkan penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union. Pelakon utamanya Jalaluddin Hassan dan Wan Maimunah," katanya baru-baru ini.

Kamarul berkata, matlamat utamanya ialah memberi peluang peminat teater di Kuantan turut menghayati pementasan itu.

"Saya berharap sambutannya menggalakkan kerana teater ini menyerapkan semangat patriotik dan mempunyai nilai murni. Mereka yang terbabit dalam politik diharap tidak melepaskan peluang menyaksikannya," katanya.

Pementasan Warung masih mengekalkan pelakon asalnya kecuali Ismail Din dan Naseem yang digantikan dengan Sahronizam Noor sebagai Tuan Khir dan Raja Azrey Kamaruzzaman memegang watak Chua.

Teater ini diterajui Jalaluddin dan Kartina Aziz yang dibantu Nazri Ahmad, Roslan Muhammad, Maznah Ahmad, Khusairy Effendy, Md Sallehuddin Mohd Esa, Noraidah Zulkefli dan Azlansham Ismail.

Warung mengutarakan kisah seniman, Pak Amar lakonan Jalaluddin yang meninggalkan kesibukan kota dan pulang ke kampung halaman untuk membuka warung makan.

Pak Amar dilanda dilema kerana keputusannya pulang ke kampung untuk meninggalkan dunia seni. Bagaimanapun, warung yang dibukanya tidak ubah seperti sebuah pentas drama. Persoalan patriotisme, pertembungan dan ketakutan politik, isu sosial dalam masyarakat adalah perbualan lazim tetapi Pak Amar menjadikan warung makannya sebagai medan untuk menyemarakkan semangat juang.

Sebagai tanda penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Kamarul bercadang membuat kain rentang dan memanjangkan babak awal yang turut menampilkan gambar PM.

Menyentuh projek tahun depan, Kamarul bercadang mementaskan teater Desa Purnama 13 Purnama karya Datuk Jins Shamsuddin. Teater ini mengisahkan pergolakan peristiwa hitam 13 Mei yang disampaikan secara simbolik dengan menonjolkan Jins Shamsuddin sebagai Perdana Menteri.